



Please read this Product Disclosure Sheet before applying for this product.

**HOME FINANCING****1) What is this product about?**

Home Financing is a term financing facility that provides customers with the financial assistance to purchase and/or construct as well as mortgage one property (inclusive of land) or more.

**2) What is the Shariah concept and structure for this product?**

<i>Musyarakah Mutanaqisah</i>	<i>Bai Bithaman 'Ajil</i>	<i>Tawarruq</i>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Purchase of Completed Property</li> <li>• Purchase of Property under Construction</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Purchase of Vacant Land</li> <li>• Mortgage of existing Property</li> <li>• Joint Financing</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Construction on Temporary Occupation Licence (TOL) land</li> </ul>

**Musyarakah Mutanaqisah (MM):** A diminishing partnership whereby two parties jointly purchase a property with respective capital contributions, and the share of one party diminishes and is transferred to the other party by purchasing through rental paid until the property is fully owned by one party.

The Customer and BIBD enter a partnership (*Musyarakah*) contract to jointly acquire a property. Both the Customer and BIBD own equity/share of the property in proportion to the amount contributed respectively. The Customer initially owns a smaller portion of the property from paying a deposit while BIBD owns a larger portion by contributing the remaining amount through the financing. BIBD's share of the property gradually diminishes as the Customer increases his share by purchasing them from BIBD through monthly payments (*Ijarah Rental*) until such time the Customer is the sole owner of the property, in which the financing is fully paid.

**Bai Bithaman 'Ajil (BBA):** The selling of a Shariah-compliant asset at a marked-up price (*Murabahah*), which is paid through a deferred monthly instalment basis within a payment period agreed by both parties. The asset is then bought back from the buyer at the original cost price (without profit) in lump sum.

BIBD sells a Shariah-compliant asset to the Customer at cost price plus profit margin (*Murabahah*) and the Customer pays in deferred monthly instalment. BIBD then buys back the asset at the cost price (without profit) in lump sum. The Customer utilizes the proceeds from the sale of the asset for the purchase/construction of property.

**Tawarruq:** The purchase of an easily-traded commodity from a third party (supplier) at a spot price and then selling that commodity at a marked-up price (*Murabahah*) with payment on a deferred basis. The commodity is then sold at a spot price to obtain cash.

BIBD owns commodities purchased at the financing amount from a third party and offers to sell them to the Customer at the selling price of the financing. If the Customer agrees to buy, the payment for the commodities shall be made in deferred payments through monthly instalments. Once the commodities belong to the Customer, he shall have two options:

- Appoint BIBD as a disposal agent (*wakeel*) to sell the commodities to a third party on the Customer's behalf, and a payment agent to credit the sale proceeds into accounts of parties according to the payment arrangements agreed by the Customer, or
- Take physical delivery of the commodities to be sold by the Customer himself and bear all associated costs such as transportation, taxes, storage and etc.

The proceeds from the sale of the commodities to third party is the financing provided to the Customer.

**3) What commodities are being traded by BIBD?**

The commodities traded for this concept are:

- Crude Palm Oil
- Polyethylene (PE)

**4) Who can apply?**

Customers who wish to apply for the Home Financing must meet the following criteria:

- Must be Bruneian Citizens
- Must be 21 years of age and above
- Must receive fixed monthly income (Salary or pension)
- Must be employed with Brunei Government, Semi-Government or private companies approved by BIBD; Self-employed individuals are also eligible.

The final entitlement shall be subject to BIBD's internal credit policies and overall assessment.

**5) How much is my entitlement?**

The Home Financing entitlement is calculated according to the following:

- Up to a maximum 90% of the Open Market Value (OMV) or Selling Price of Property, whichever is lower.
- Up to a maximum Total Debt Service Ratio (TDSR) of 70% for those with net income of BND 1,750.00 and above
- For those with net income of below BND 1,750.00 shall be subject to BIBD's policy.



The final entitlement shall be subject to BIBD's internal credit policies and overall assessment.

**6) What is the maximum tenure?**

The tenure is up to a maximum of 25 years (300 months).

**7) What is the profit rate?**

The profit rate offered is subject to BIBD's overall assessment of the financing and individual customer.

**8) What is the financing limit for the Home Financing?**

The financing limit is from a minimum of BND 50,000.00 up to a maximum of BND 1,000,000.00.

**9) How do I apply?**

Please visit our Personal Bankers at any BIBD Financing Branch or our Financing Centre to submit the required documents and complete the Consumer Financing Form.

**10) What documents do I need to submit?**

The general documents required for the Home Financing application are as follows:

For Financing Application

- ◆ Original copy of Identification Card
- ◆ Original copy of Latest Salary Slip
- ◆ Confirmation of Salary/Pension/Service Contract (where applicable)
- ◆ Bank Statements with other Financial Institutions (where applicable)
- ◆ Business Registration Certificate (\*where applicable\*)

Prior to Financing Approval

- ◆ Indicative Open Market Value of the property
- ◆ House Plan
- ◆ Land Title Deed
- ◆ Copy of Identification Card of Landowner (where applicable)

Additional Documents for Completed Property	Additional Documents for Property under Construction	Property under Mortgage
<u>Prior to Financing Approval</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Letter of Intent from the Seller</li> <li>◆ Copy of Identification Card of Developer/Contractor/Vendor</li> </ul>	<u>Prior to Financing Approval</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Development Agreement between the Customer and the Developer/Contractor</li> <li>◆ Contract Agreement/Quotation for Construction</li> <li>◆ Letter of Intent from the Seller (where applicable)</li> </ul>	<u>Prior to Financing Approval</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Consent Letter (where applicable)</li> </ul>
<u>Prior to Financing Disbursement</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Approved House Plan</li> <li>◆ Approval Letter from relevant authorities</li> <li>◆ MRTA Takaful</li> </ul>	<u>Prior to Financing Disbursement</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Fire Takaful</li> <li>◆ Full Valuation Report</li> <li>◆ Signed Security Documents</li> <li>◆ Signed Sale &amp; Purchase Agreement</li> </ul>	<u>Prior to Financing Disbursement</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ MRTA Takaful</li> <li>◆ Fire Takaful</li> <li>◆ Full Valuation Report</li> <li>◆ Signed Security Documents</li> </ul>

\*Subject to BIBD's assessment of the company's/customer's employment profile.

**11) Are there any Developers/Contractors that can be recommended to me?**

The appointment or engagement of Developers/ Contractors is entirely your own preference but there is a requirement for the Developers/ Contractors to be registered under the Ministry of Development.

**12) What are the fees and charges I have to pay?**

The applicable fees and charges are as per BIBD's prevailing Schedule of Tariffs, which is published on our website.

**13) Are there any other fees I have to pay?**

In addition to the applicable fees and charges imposed by BIBD, you shall also be required to pay for third party fees incidental to the Home Financing such as legal fees for searches and preparation of security documents, Takaful fees for the Mortgage Reducing Term Assurance Takaful (MRTA), and valuation fees for full valuation as well as revaluation of the property as and when required.

These third party fees may be included in the financing amount as a Start-up Cost or paid using your own funds.

**14) Do I still have to pay for the third party fees if my financing is not approved?**

Regardless of the outcome of your financing application, you shall be required to pay any and all outstanding third party fees.

**15) How do I pay the third party fees?**

Our Personal Banker will contact you and inform you on the outstanding third party fees. The fees shall be deducted from your account with BIBD once there is confirmation that there is sufficient funds in your account.

**16) How much Start-up Cost can I include in the financing amount?**

The Start-up Cost is included in the FTV calculation and is up to a maximum of BND 15,000.00 for each application, subject to respective maximum TDSR.

**17) Which Law Firms, Valuers and Takaful provider do I engage?**

BIBD has a panel for Law Firms, Valuers and Takaful Providers as per the following:

Lawyers	Valuers	Takaful Providers
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Ahmad Isa &amp; Partners</li> <li>● Pengiran Izad &amp; Lee</li> <li>● Abraham Davidson &amp; Co</li> <li>● Yusof Halim &amp; Partners</li> <li>● Cheok Advocates &amp; Solicitors</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● CH Williams, Talhar &amp; Wong</li> <li>● M.D. Associates</li> <li>● Taylor Hobbs Co</li> <li>● Arra Hartanah Associates Sdn Bhd</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Takaful Brunei Keluarga</li> <li>● Insurans TAIB</li> </ul> <p>*MRTA from conventional insurance companies may be considered with the condition of the submission of a rejection letter from the above Takaful Providers</p>

**18) What security/ collateral do customers have to provide?**

A fixed monthly income such as salary or pension, as well as the property being financed shall be assigned to BIBD as security/ collateral.

**19) How will the financing amount be disbursed?**

The financing shall be disbursed according to the following categories:

Completed Property	Property under Construction	Property under Mortgage
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Directly to Developer/ Contractor's account with BIBD or cashier's order (according to Sale &amp; Purchase Agreement) in a lump sum payment</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Directly to Developer/ Contractor's account with BIBD or cashier's order in stages of claims as per stated in Contract Agreement/ Quotation/ Sale &amp; Purchase Agreement</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Directly to Customer's account with BIBD in a lump sum payment</li> </ul>

**20) When do I start paying the monthly payments?**

For financing under Completed Property and Property under Mortgage, the monthly payments shall be deducted from your account with BIBD commencing one month after the financing has been disbursed. For example, if the financing is disbursed in September, the monthly payment shall commence in October.

There is a Grace Period for a maximum of 1 year (12 months) for Property under Construction before deduction of the monthly payments commences.

**21) Can I settle my financing ahead of schedule?**

An early settlement fee, subject to BIBD's fees and charges as per prevailing Schedule of Tariffs, will be deducted from the rebate (*ibra'*) for any financing amount settled earlier than maturity date due to but not limited to the following situations:

- early settlement or early redemption including those arising from prepayments;
- due to financing structuring exercise;
- in the case of default;
- in the event of termination or cancellation of financing before maturity date

**22) What is my entitlement?**

Financing Entitlement	BND		Profit Rate (APR)	%	
Financing Amount Applied	BND		Tenure	MTHS	
Deduction of Fees	BND		Monthly Payment	BND	
Remaining Financing Balance	BND		Take Home Pay	BND	

**23) Where can I get further information?**

Our Contact Centre is available 24 hours a day, 7 days a week at +673 2238181. Please also visit us at our website at [www.bibd.com.bn](http://www.bibd.com.bn), our Financing Centre at Kiulap or our Financing Branches:

- BIBD HQ Main Branch
- Rimba Branch
- Manggis Branch
- Gadong Branch
- Tanjung Bunut Branch
- Tutong Branch
- Seria Branch
- Panaga Branch
- Kuala Belait Branch
- Serusop Branch



Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum memohon produk ini.

**PEMBIAYAAN RUMAH****1) Apakah dia produk ini?**

Pembiayaan Rumah ialah kemudahan pembiayaan yang memberikan pelanggan peluang untuk mendapatkan kewangan bagi membeli dan/atau membangun rumah termasuk menggadaikan janji satu atau lebih hartanah (termasuk tanah).

**2) Apakah prinsip dan struktur Shariah bagi produk ini?**

<i>Musarakah Mutanaqisah</i>	<i>Bai Bithaman 'Ajil</i>	<i>Tawarruq</i>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembelian Hartanah Yang Sudah Siap</li> <li>Pembelian Hartanah Dalam Pembinaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembelian Tanah Kosong</li> <li>Gadai Janji hartanah yang sedia ada</li> <li>Pembiayaan Bersama</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembinaan atas tanah "Temporary Occupation Licence" (TOL)</li> </ul>

**Musarakah Mutanaqisah (MM):** Perkongsian kerjasama di antara dua pihak di mana mereka berkongsi untuk membeli hartanah dengan sumbangan kewangan masing-masing, dan milik bahagian satu pihak semakin berkurang oleh kerana dipindahkan kepada pihak lain melalui pembelian dengan pembayaran sewa sehingga hartanah tersebut dimiliki sepenuhnya oleh satu pihak.

Pelanggan dan BIBD berkongsi (Musarakah) untuk membeli hartanah. Pelanggan dan BIBD mempunyai milik hartanah mengikut jumlah sumbangan masing-masing. Pelanggan, pada mulanya mempunyai bahagian pemilikan yang kecil dari bayaran pendahuluan manakala BIBD mempunyai bahagian pemilikan yang besar dengan menyumbangkan jumlah baki melalui pembiayaan itu sendiri. Pelanggan akan secara beransur-ansur meningkatkan pemilikannya dengan membeli dari BIBD melalui bayaran bulanan (Ijarah) sehingga Pelanggan telah membelikan kesemua bahagian pemilikan dan menjadi pemilik tunggal hartanah tersebut, di mana pembiayaan akan dilunaskan.

**Bai Bithaman 'Ajil (BBA):** Penjualan aset yang patuh Syarak pada harga termasuk keuntungan (Murabahah), di mana aset tersebut akan dibayar oleh pembeli secara tangguh melalui bayaran bulanan dalam tempoh pembayaran yang disetujui oleh kedua-dua pihak. Aset tersebut kemudian dibeli semula dari pembeli pada harga asal dalam sekaligus (tanpa keuntungan).

BIBD menjualkan aset yang patuh Syarak kepada Pelanggan pada harga termasuk keuntungan (Murabahah) dan Pelanggan membayar secara tangguh melalui bayaran bulanan. BIBD membeli semula aset tersebut pada harga pokok (tanpa keuntungan). Pelanggan menggunakan hasil penjualan aset untuk membeli/membangun rumah.

**Tawarruq:** Pembiayaan ini adalah berlandaskan konsep Tawarruq, yang melibatkan Pembelian komoditi yang mudah dijualbeli dari pihak ketiga (pembekal) pada harga "spot" yang kemudiannya dijual pada harga termasuk keuntungan (Murabahah) dengan pembayaran secara tangguh. Komoditi tersebut kemudiannya dijual pada harga "spot" untuk mendapatkan wang tunai.

BIBD memiliki komoditi yang dibeli, pada harga jumlah pembiayaan Pelanggan, daripada pihak ketiga dan menawarkan untuk menjualnya kepada Pelanggan pada harga jualan pembiayaan yang termasuk keuntungan. Jika Pelanggan bersetuju untuk membeli komoditi tersebut, pembayaran komoditi akan dibuat secara tangguh melalui bayaran bulanan. Setelah komoditi dimiliki oleh Pelanggan, Pelanggan mempunyai dua pilihan:

- Melantik BIBD sebagai agen pelupusan (Wakeel) untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga bagi pihak Pelanggan, dan sebagai agen pembayaran untuk memasukkan hasil jualan ke akaun pihak-pihak berkenaan mengikut aturan pembayaran yang dipersetujui oleh Pelanggan, atau
  - Menerima penghantaran fizikal komoditi yang akan dijual sendiri oleh Pelanggan dan menanggung semua perbelanjaan yang berkenaan seperti kos penghantaran, cukai, penyimpanan dan sebagainya
- Hasil penjualan komoditi kepada pihak ketiga adalah pembiayaan diberikan kepada Pelanggan.

**3) Apakah komoditi-komoditi yang diniagakan oleh BIBD?**

Komoditi-Komoditi yang diniagakan menggunakan konsep ini adalah:

- Minyak Mentah Kelapa Sawit
- Polythlene (PE)

**4) Siapakah yang boleh memohon?**

Pelanggan yang ingin memohon Pembiayaan Rumah mestilah memenuhi kriteria berikut:

- Warganegara
- Berumur 21 tahun dan ke atas
- Menerima pendapatan tetap (gaji atau pencen)
- Berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Separa Kerajaan atau Syarikat-Syarikat Swasta yang diiktiraf oleh BIBD; individu Bekerja Sendiri adalah layak

Kelayakan yang muktamad adalah tertakluk kepada polisi kredit dan penilaian dalaman BIBD.

**5) Berapakah jumlah kelayakan saya?**

Jumlah kelayakan bagi Pembiayaan Rumah adalah dikira seperti berikut:

- ◆ Sehingga maksimum 90% daripada Jumlah terhadap Nilai Pasaran Terbuka (OMV) atau harga jualan harta, yang mana lebih rendah
- ◆ Sehingga maksimum 70% daripada Jumlah Nisbah Khidmat Hutang (TDSR) bagi yang mempunyai pendapatan bersih BND1,750.00 dan ke atas tertakluk kepada polisi BIBD
- ◆ Bagi yang mempunyai pendapatan bersih di bawah BND1,750.00 adalah tertakluk kepada polisi BIBD Kelayakan yang muktamad adalah tertakluk kepada polisi kredit dan penilaian dalaman BIBD.

**6) Berapakah tempoh maksimum?**

Tempoh maksimum adalah sehingga 25 tahun (300 bulan).

**7) Berapakah kadar keuntungan yang dikenakan?**

Kadar keuntungan yang ditawarkan adalah tertakluk kepada penilaian keseluruhan pembiayaan dan pelanggan tersebut.

**8) Apakah had pembiayaan bagi Pembiayaan Rumah?**

Had pembiayaan ialah dari jumlah minimum BND 50,000 sehingga jumlah maksimum BND 1,000,000.00.

**9) Bagaimanakah cara saya untuk memohon?**

Sila kunjungi Pegawai Perbankan Peribadi kami di mana-mana Cawangan Pembiayaan atau di Pusat Pembiayaan kami untuk menghadapi dokumen-dokumen yang diperlukan dan melengkapkan Borang Pembiayaan Pengguna.

**10) Apakah dokumen-dokumen yang perlu saya hadapkan?**

Dokumen-dokumen am yang diperlukan untuk permohonan Pembiayaan Rumah adalah seperti berikut:

Untuk Permohonan Pembiayaan

- ◆ Salinan asal Kad Pengenalan
- ◆ Salinan asal Slip Gaji Terkini
- ◆ Pengesahan Gaji/Pencen/Kontrak Perkhidmatan (di mana berkenaan)
- ◆ Penyata Bank dengan Institusi Kewangan yang lain (jika berkenaan)
- ◆ Sijil Pendaftaran Perniagaan (jika berkenaan)\*

Sebelum Pembiayaan Diluluskan

- ◆ Jangkaan Nilai Pasaran Terbuka hartanah
- ◆ Pelan Rumah
- ◆ Geran Tanah
- ◆ Salinan Kad Pengenalan Pemilik Tanah (jika berkenaan)

Dokumen tambahan bagi Hartanah Yang Sudah Siap	Dokumen tambahan bagi Hartanah Dalam Pembinaan	Hartanah di bawah Gadai Janji
<u>Sebelum Pembiayaan Diluluskan</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ "Letter of Intent" daripada Penjual</li> <li>◆ Salinan Kad Pengenalan Pemaju/Kontraktor/Vendor</li> </ul>	<u>Sebelum Pembiayaan Diluluskan</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Perjanjian Pembangunan antara Pelanggan dan Pemaju/Kontraktor</li> <li>◆ Perjanjian Kontrak/Sebut Harga untuk Pembinaan</li> <li>◆ "Letter of Intent" daripada Penjual (jika berkenaan)</li> </ul>	<u>Sebelum Pembiayaan Diluluskan</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Surat Keizinan (jika berkenaan)</li> </ul>
<u>Sebelum Pembiayaan Dikeluarkan</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Pelan Rumah Yang Diluluskan</li> <li>◆ Surat Kebenaran daripada Pihak Berkuasa Berkenaan</li> <li>◆ Takaful MRTA</li> </ul>	<u>Sebelum Pembiayaan Dikeluarkan</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Takaful Kebakaran</li> <li>◆ Laporan Penilaian Penuh</li> <li>◆ Dokumen-Dokumen Keselamatan Yang Telah Ditandatangani</li> <li>◆ Perjanjian Jual Beli</li> </ul>	<u>Sebelum Pembiayaan Dikeluarkan</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Takaful MRTA</li> <li>◆ Takaful Kebakaran</li> <li>◆ Laporan Penilaian Penuh</li> <li>◆ Dokumen Keselamatan Yang Telah Ditandatangani</li> </ul>

\*Tertakluk kepada penilaian BIBD mengenai profil syarikat/pelanggan.

**11) Adakah mana-mana Pemaju/Kontraktor yang boleh disyorkan kepada saya?**

Pelantikan atau penglibatan Pemaju/Kontraktor adalah atas pilihan awda sepenuhnya tetapi Pemaju/Kontraktor adalah diperlukan berdaftar di bawah Kementerian Pembangunan.

**12) Apakah caj dan yuran yang perlu saya bayar?**

Yuran dan caj yang dikenakan adalah seperti di dalam Jadual Tarif semasa BIBD, yang dipaparkan di laman web kami.

**13) Adakah caj dan yuran lain yang perlu saya bayar?**

Selain yuran dan caj yang dikenakan oleh BIBD, awda juga diperlukan untuk membayar yuran pihak ketiga yang berkenaan dengan Pembiayaan Rumah seperti kos guaman untuk pencarian dan penyediaan dokumen cagaran, yuran Takaful Mortgage Reducing Term Assurance (MRTA), dan yuran penilaian bagi penilaian penuh dan penilaian semula hartanah apabila diperlukan.

Yuran pihak ketiga boleh dimasukkan ke dalam jumlah pembiayaan sebagai Kos Permulaan atau dibayar dengan dana sendiri.

**14) Adakah saya perlu juga membayar yuran pihak ketiga jika pembiayaan saya tidak diluluskan?**

Awda dikehendaki membayar mana-mana dan semua yuran pihak ketiga yang tertunggak tanpa mengira keputusan permohonan pembiayaan awda.

**15) Bagaimanakah saya membayar yuran pihak ketiga?**

Pegawai Bank Peribadi kami akan menghubungi awda dan memaklumkan yuran pihak ketiga yang tertunggak. Yuran akan dipotong melalui akaun awda di BIBD setelah mendapat pengesahan bahawa baki dalam akaun awda mencukupi.

**16) Berapakah jumlah kos permulaan yang termasuk di dalam jumlah pembiayaan?**

Kos Permulaan adalah termasuk dalam pengiraan FTV dan jumlah maksimum adalah sehingga BND 15,000 bagi setiap permohonan, tertakluk kepada jumlah maksimum TDSR berkenaan.

**17) Pejabat Guaman, Penilai dan Pembekal Takaful manakah yang perlu saya lantik?**

BIBD mempunyai ahli panel Guaman, Penilai dan Pembekal Takaful seperti berikut:

Peguan	Penilai	Pembekal Takaful
<ul style="list-style-type: none"> <li>Ahmad Isa &amp; Partners</li> <li>Pengiran Izad &amp; Lee</li> <li>Abraham Davidson &amp; Co</li> <li>Yusof Halim &amp; Partners</li> <li>Cheok Advocates &amp; Solicitors</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>CH Williams, Talhar &amp; Wong</li> <li>M.D. Associates</li> <li>Taylor Hobbs Co</li> <li>Arra Hartanah Associates Sdn Bhd</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Takaful Brunei Keluarga</li> <li>Insurans TAIB</li> </ul> <p>*MRTA dari syarikat insuran konvensional boleh dipertimbangkan dengan syarat surat penolakan dari Syarikat Takaful di atas hendaklah dikemukakan</p>

**18) Apakah jenis jaminan/kolateral yang perlu saya berikan?**

Pendapatan tetap bulanan seperti gaji atau pencen dimasukkan ke BIBD sebagai jaminan/kolateral.

**19) Bagaimanakah Pembiayaan akan dikeluarkan?**

Pembiayaan akan dikeluarkan mengikut kategori berikut:

Hartanah Yang Sudah Siap	Hartanah Dalam Pembinaan	Hartanah di bawah Gadai Janji
<ul style="list-style-type: none"> <li>Dibayar terus ke akaun Pemaju/Kontraktor di BIBD atau cheque (mengikut "Sale &amp; Purchase Agreement") secara bayaran penuh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dibayar ke akaun Pemaju/Kontraktor di BIBD atau cheque mengikut peringkat tuntutan seperti di dalam Perjanjian Kontrak/Sebut Harga/"Sale &amp; Purchase Agreement"</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dibayar terus ke akaun Pelanggan di BIBD secara bayaran penuh</li> </ul>

**20) Bilakah saya mula membuat bayaran bulanan?**

Bayaran bulanan akan mulai dipotong dari akaun awda di BIBD sebulan selepas pembiayaan dikeluarkan. Sebagai contoh, jika pembiayaan dikeluarkan pada bulan September, potongan bayaran bulanan akan bermula pada bulan Oktober.

Tempoh Penangguhan sehingga maksimum 1 tahun (12 bulan) akan diberikan bagi Hartanah Dalam Pembinaan sebelum potongan bayaran bulanan dimulakan.

**21) Bolehkah saya melunaskan pembiayaan lebih awal dari jadual?**

Yuran pelunasan awal, tertakluk kepada caj dan yuran BIBD seperti dalam Jadual Tarif BIBD semasa, akan dipotong dari rebat (ibra') ke atas mana-mana jumlah pembiayaan yang dilunaskan awal dari tarikh matang disebabkan tetapi tidak terhad kepada keadaan berikut:

- Pelunasan awal atau penebusan awal termasuk bayaran pendahuluan;
- Disebabkan penstrukturan pembiayaan;
- Disebabkan keingkar;
- Jika berlaku penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang

**20) Berapakah jumlah yang saya layak?**

Kelayakan Pembiayaan	BND		Kadar Keuntungan (APR)	%	
Jumlah Pembiayaan Dipohonkan	BND		Tempoh	BULAN	
Potongan Yuran	BND		Bayaran Bulanan	BND	
Jumlah Baki Pembiayaan	BND		Jumlah Dibawa Pulang	BND	



**22) Di manakah saya boleh memperolehi maklumat lanjut?**

Pusat Perhubungan kami tersedia 24 jam sehari, 7 hari seminggu di talian +673 223 8181. Sila juga kunjungi laman web kami di [www.bibd.com.bn](http://www.bibd.com.bn), Pusat Pembiayaan kami di Cawangan Kiulap atau Cawangan Pembiayaan kami:

- ◆ Cawangan Ibu Pejabat BIBD
- ◆ Cawangan Rimba
- ◆ Cawangan Manggis
- ◆ Cawangan Gadong
- ◆ Cawangan Tanjung Bunut
- ◆ Cawangan Tutong
- ◆ Cawangan Seria
- ◆ Cawangan Panaga
- ◆ Cawangan Kuala Belait
- ◆ Cawangan Serusop